



NEGERI PAHANG

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PAHANG GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 54

11hb Oktober 2001

No. 21

---

AKTA PERHUTANAN NEGARA 1984

(Akta 313)

NATIONAL FORESTRY ACT 1984

(Act 313)

No. 594.

PEMBERITAHUAN DI BAWAH SEKSYEN 11

NOTIFICATION UNDER SECTION 11

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 11 Akta Perhutanan Negara 1984, Pihak Berkuasa Negeri mengisyiharkan bahawa satu kawasan tanah seluas 52.18 hektar (128.94 ekar) dalam Mukim Sungai Karang, Daerah Kuantan, yang dilukiskan dan ditunjukkan dengan garisan tepi berwarna kelabu di atas Pelan Ukur No. P.W. 3475 yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur Pahang yang menjadi sebahagian daripada Hutan Simpanan Balok menurut *Warta Kerajaan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu* No. 5835 yang disiarkan pada 31 Oktober 1940 dikeluarkan daripada menjadi sebahagian Hutan Simpanan tersebut mulai dari 20 September 2000.

In exercise of the powers conferred by section 11 of the National Forestry Act 1984, the State Authority declares that a parcel of land measuring an area of 52.18 hectares (128.94 acres) in the Mukim of Sungai Karang, District of Kuantan, as delineated and shown edged in grey upon Survey Plan No. P.W. 3475 deposited in the office of the Director of Survey of Pahang which is forming part of Balok Reserved Forest *vide* the Federated Malay States Government *Gazette* No. 5835 published on 31 October 1940 be excised from forming part of the said Reserved Forest with effect from 20 September 2000.

Bertarikh 5 Julai 2001.

Dated 5 July 2001.

[PTG. Phg. 04/296.]

HARON BIN HAJI ABDUL KADER,  
Setiausaha,  
Majlis Mesyuarat Kerajaan,  
Pahang

## AKTA ACARA KEWANGAN 1957

## FINANCIAL PROCEDURE ACT 1957

## ARAHAN PERBENDAHARAAN

## TREASURY INSTRUCTIONS

**No. 595.**

PEMBERITAHUAN DI BAWAH ARAHAN 162

NOTIFICATION UNDER INSTRUCTION 162

Menurut peruntukan-peruntukan arahan 162 Arahan Perbendaharaan, Jabatan Perhutanan Negeri Pahang memaklumkan bahawa deposit berjumlah RM19,591.82 di bawah Kod Deposit 76001 masih disimpan dan belum dituntut oleh pendeposit yang berkenaan selama lebih dua belas bulan. Mana-mana orang yang membuat bayaran deposit kepada Pejabat Perhutanan Negeri Pahang di bawah Kod Deposit 76001 dan belum membuat tuntutan diminta menuntut kembali deposit berkenaan dengan mengemukakan resit asal bagi menyokong tuntutan. Jika deposit itu tidak dituntut dalam tempoh tiga bulan dari tarikh pemberitahuan ini disiarkan, deposit tersebut akan dikreditkan kepada Hasil Kerajaan Negeri.

Pursuant to the provisions of instruction 162 of the Treasury Instructions, the Jabatan Perhutanan Negeri Pahang notifies that deposit amounting to RM19,591.82 under Deposit Code 76001 are still being kept and has not being claimed by the depositors for more than twelve months. Any person who paid deposits under Deposit Code 76001 to the Jabatan Perhutanan Negeri Pahang and who has not made any claim are requested to claim such deposits by submitting the orginal receipt to support the claim. If the deposits are not claimed within there months from the date of publication of this notification, such deposits will be credited to the State Government Revenue.

Bertarikh 31 Mei 2001.  
[PHN. PHG. 49/8.]

DATO' HAJI MOKHTAR BIN MAT ISA,  
Pengarah Perhutanan Negeri,  
Pahang Darul Makmur

ENAKMEN PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM 1991  
(Enak. 3/91)

ADMINISTRATION OF ISLAMIC LAW ENACTMENT 1991  
(Enact. 3/91)

**No. 596.**

PERLANTIKAN PANEL AHLI MAHKAMAH RAYUAN SYARIAH  
APPOINTMENT OF PANEL OF MEMBERS OF SYARIAH APPEAL COURT

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 54 Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991, Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan atas nasihat Majlis setelah berunding dengan Ketua Hakim Syarie telah melantik orang-orang yang dinamakan dalam Jadual menganggotai panel ahli Mahkamah Rayuan Syariah bagi tahun 2001.

In exercise of the powers conferred by section 54 of the Administrative of Islamic Law Enactment 1991, His Royal Highness the Sultan on the advice of the Majlis after consultation with the Chief Syarie Judge has appointed the persons named in the Schedule to constitute the panel of members of the Syariah Appeal Court for the year 2001.

## JADUAL/SCHEDULE

Tan Sri Dato' Prof. Harun bin Mahmud Hashim

Tengku Dato' Baharuddin Shah bin Tengku Mahmud

Dato' Sheikh Ghazali bin Haji Abdul Rahman

Dato' Dr. Abdul Monir bin Yaacob

Dato' Mokhtar bin Shafii

Bertarikh 31 Julai 2001.

Dated 31 July 2001.

[M.U.I. Phg: 2/12/1.]

DATO' WAN HAJI ABDUL WAHID BIN WAN HASSAN,  
Timbalan Yang Dipertua,  
Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu,  
Pahang

KANUN TANAH NEGARA  
(Akta 56 tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE  
(Act 56 of 1965)

**No. 597.**

(Subseksyen 64(2))

PEMBATALAN PERIZABAN

(Subsection 64(2))

REVOCATION OF RESERVATION

Bahwasanya melalui *Warta Kerajaan Kesatuan Malaya No. 6279* yang disiarkan pada 11 September 1947, Pesuruhjaya Residen Pahang pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen 24(i) Kanun Tanah Negara N.M.B. (Bab 138) telah mengisyiharkan tanah seluas 23 ekar, 35 pole yang dikenali sebagai Lot 3721 terletak di Lubuk Puyu Paya Pandan, Mukim Kuala Kuantan, Daerah Kuantan, yang dilakar atas Pelan Ukur No. 17,437 yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur Pahang, sebagai satu rizab bagi maksud Padang Ragut Kerbau di bawah kawalan Pemungut Hasil Tanah Kuantan.

Dan bahwasanya Pihak Berkuasa Negeri bercadang untuk membatalkan keseluruhan perizapan tersebut di atas menurut subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara.

Maka oleh yang demikian menurut subseksyen 64(2) Kanun Tanah Negara, adalah dengan ini diberi notis bahawa Pihak Berkuasa Negeri bercadang untuk membatalkan perizapan tanah tersebut di atas dan satu siasatan akan dibuat mengenainya oleh Pengarah Tanah dan Galian Negeri Pahang di pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Pahang, Kuantan, pada 6 November 2001 pukul 10.00 pagi.

Whereas by the Malayan Union Government Gazette No: 6279 published on 11 September 1947, the Resident Commissioner of Pahang in exercise of the powers conferred on him by section 24(i) of the F.M.S. Land Code (Cap. 138) has proclaimed the land comprising of an area of 23 acres 35 poles known as Lot No. 3721 situated in Lubuk Puyu Paya Pandan, Mukim of Kuala Kuantan, District of Kuantan, delineated upon Survey Plan No: 17,437 deposited in the office of the Director of Survey of Pahang to be a reserve for the purpose of Buffalo Grazing ground to be maintained by Collector of Land Revenue, Kuantan.

And whereas the State Authority proposes to revoke the whole of the aforesaid reservation pursuant to subsection 64(1) of the National Land Code.

Now therefore pursuant to subsection 64(2) of the National Land Code, notice is hereby given that the State Authority proposes to revoke the reservation of the aforesaid land and an enquiry with respect thereto will be held by the Pahang State Director of Lands and Mines at his office in Kuantan, on the 6 November 2001 at 10.00 a.m.

Bertarikh 7 September 2001.

Dated 7 September 2001.  
[PTK. 3/5/106 SJ. 108.]

DATUK HAJI LUGIMAN BIN ABU SEMAN,  
Pengarah Tanah dan Galian,  
Pahang

**No. 598.**

AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960

(Akta 486)

(Seksyen 8)

PERISYTIHARAN-PERISYTIHARAN PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN

Adalah dengan ini diisyiharkan bahawa tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan dalam Jadual kepadanya adalah diperlukan bagi maksud yang berikut:

Pengambilan Balik Tanah bagi Projek untuk Tapak Sekolah Kebangsaan dan Menengah Kebangsaan Raub Indah, Pahang Darul Makmur.

2. Suatu pelan tanah dan kawasan tertentu yang dinyatakan itu boleh diperiksa semasa waktu kerja biasa di Pejabat Tanah bagi Daerah di mana terletaknya tanah dan kawasan.

## WARTA KERAJAAN NEGERI PAHANG

11hb Okt. 2001]

447

### JADUAL

Daerah—Raub. Mukim—Tras. No. Lot Ukur—860. Hakmilik atau Pendudukan—GRN 6700. Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan—Bilut Development Sdn Berhad—1/1 Bahagian. Keluasan Lot—39 ekar 1 rood 2.000 pole. Anggaran Keluasan yang akan Diambil—16.9116 ekar.

Bertarikh 1 Ogos 2001.  
[PBT/P/07/3/2001.]

DATUK HJ. LUGIMAN BIN ABU SEMAN,  
Pengarah Tanah dan Galian,  
Pahang

### No. 599.

Adalah dengan ini diisyiharkan bahawa tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan dalam Jadual kepadanya adalah diperlukan bagi maksud yang berikut:

Permohonan Pengambilan Tanah bagi Projek Tapak Sekolah Menengah Kebangsaan Sega, Raub, Pahang Darul Makmur.

2. Suatu pelan tanah dan kawasan tertentu yang dinyatakan itu boleh diperiksa semasa waktu kerja biasa di Pejabat Tanah bagi Daerah di mana terletaknya tanah dan kawasan.

### JADUAL

Daerah—Raub. Mukim—Sega.

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Pendudukan	Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan	Keluasan Lot	Anggaran Keluasan yang akan Diambil							
				GM.	E.	R.	P.	E.	R.	P.	
1141	1590	Indo Astro Consolidate Sdn. Bhd. 1/1 bhg.	6 3 37.00		6	3	37.00		6	3	37.00
1142	1591	Everspan Sdn. Bhd. 1/1 bhg.	6 1 28.00		6	1	28.00		6	1	28.00

Bertarikh 1 Ogos 2001.  
[PBT/P/07/1/2001.]

DATUK HJ. LUGIMAN BIN ABU SEMAN,  
Pengarah Tanah dan Galian,  
Pahang

### No. 600.

Adalah dengan ini diisyiharkan bahawa tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan dalam Jadual kepadanya adalah diperlukan bagi maksud yang berikut:

Pengambilan Balik Tanah untuk Tapak Tambahan Sekolah Kebangsaan Jambu Rias, Karak, Mukim Sabai, Daerah Bentong.

2. Suatu pelan tanah dan kawasan tertentu yang dinyatakan itu boleh diperiksa semasa waktu kerja biasa di Pejabat Tanah bagi Daerah di mana terletaknya tanah dan kawasan.

# WARTA KERAJAAN NEGERI PAHANG

448

[11hb Okt. 2001]

## JADUAL

Daerah—Bentong. Mukim—Sabai. No. Lot Ukur—4790. Hakmilik atau Pendudukan—GM 204. Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan—Bah binti Yatin 1/2 bhg. dan Halimah Nor binti Mohamad 1/2 bhg. Keluasan Lot—2.6008 ekar. Anggaran Keluasan yang akan Diambil—2.6008 ekar.

Bertarikh 1 Ogos 2001.  
[PBT/P/01/3/2001.]

DATUK HJ. LUGIMAN BIN ABU SEMAN,  
Pengarah Tanah dan Galian  
Pahang

### No. 601.

Adalah dengan ini diisyiharkan bahawa tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan dalam Jadual kepadanya adalah diperlukan bagi maksud yang berikut:

Cadangan pengambilan tanah untuk tujuan awam bagi Projek Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1, Seksyen 1A, dari Karak ke Lanchang (Lot Tertinggal) Mukim Sabai, Daerah Bentong.

2. Suatu pelan tanah dan kawasan tertentu yang dinyatakan itu boleh diperiksa semasa waktu kerja biasa di Pejabat Tanah bagi Daerah di mana terletaknya tanah dan kawasan.

## JADUAL

Daerah—Bentong. Mukim—Sabai.

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Pendudukan	Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan	Keluasan Lot			Anggaran Luas Tanah yang akan Diambil	
			HSM	E.	R.		
741 (PT 396)	503	Sabariah bt. Mat Ali 1/1 bhg.		3	1	6	0.880
5907	1316	Than Moy 1/1 bhg.		9	0	17	0.499
5903 (PT 334)	441	Lee Chan Wah @ Weng Choon 1/2 bhg. dan Lee Sai Man 1/2 bhg.		8	3	14	0.070
4044 PT 2146/ 58	123	Choo Kok Yeow 1/2 bhg. dan Ong Kian Song 1/2 bhg.		8	2	34	1.753
5904 (PT 406)	513	Chong Ngit Lin 1/1 bhg.		9	1	0	0.149
			Hektar				
562 (PT 4530)	2361	Kamarulzaman b. Haji Bakar 1/1 bhg.		1.821			0.365

# WARTA KERAJAAN NEGERI PAHANG

11hb Okt. 2001]

449

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Pendudukan	Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan	Keluasan Lot	Anggaran Luas Tanah yang akan Diambil
	HSM		Hektar	Hektar
560 (PT 5482)	4191	Noor Azman bin Nordin 1/1 bhg.	0.504	0.191
(PT 4145)	2281	Mohamad Yunus b. Kitam 1/1 bhg.	0.9536	0.0146

Bertarikh 1 Ogos 2001.  
[PBT/P/02/265/01.]

DATUK HJ. LUGIMAN BIN ABU SEMAN,  
Pengarah Tanah dan Galian,  
Pahang

## No. 602.

Adalah dengan ini diisyiharkan bahawa tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan dalam Jadual kepadanya adalah diperlukan bagi maksud yang berikut:

Cadangan Permohonan Pengambilan Tanah untuk Tujuan Awam bagi Projek Tapak Sek. Men. Keb. Kuala Krau 11 Temerloh Pahang.

2. Suatu pelan tanah dan kawasan tertentu yang dinyatakan itu boleh diperiksa semasa waktu kerja biasa di Pejabat Tanah bagi Daerah di mana terletaknya tanah dan kawasan.

### JADUAL

#### Daerah—Temerloh. Mukim—Jenderak.

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Pendudukan	Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan	Keluasan Lot	Anggaran Luas Tanah yang akan Diambil
	GRN		E. R. P	Ekar
1425	6411	Yap Eng Hoo Sdn. Bhd. 1/1 bhg.	14 1 8	5
1426	5777	On Lian Sin 1/1 bhg.	4 2 32	1.7
1427	5766	Yong Peng Kee 1/1 bhg	13 0 24	4.3

Bertarikh 1 Ogos 2001.  
[PTT/386/1/2001.]

DATUK HJ. LUGIMAN BIN ABU SEMAN,  
Pengarah Tanah dan Galian,  
Pahang

## No. 603.

Adalah dengan ini diisyiharkan bahawa tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan dalam Jadual kepadanya adalah diperlukan bagi maksud yang berikut:

Cadangan Permohonan Pengambilan Tanah untuk Tujuan Awam bagi Projek Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 Seksyen 1B Lanchang ke Temerloh (Lot Tertinggal) Mukim Sanggang dan Songsang Daerah Temerloh.

# WARTA KERAJAAN NEGERI PAHANG

450

[11hb Okt. 2001]

2. Suatu pelan tanah dan kawasan tertentu yang dinyatakan itu boleh diperiksa semasa waktu kerja biasa di Pejabat Tanah bagi Daerah di mana terletaknya tanah dan kawasan.

## JADUAL

Daerah—Temerloh. Mukim—Songsang dan Sanggang.

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Pendudukan	Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan	Keluasan Lot	Anggaran Luas Tanah yang akan Diambil
Mukim Songsang				
		HSM	Hektar	Hektar
PT 804	643	Azizah binti Mohd. Salleh 1/1 bhg. (sebagai pentadbir)	2.471	1.428
Mukim Sanggang				
		EMR	E. R. P	
2330	2353	Abdul Wahab bin Ibrahim 1/4 bhg., Ali bin Khatib Ahmad 1/4 bhg. dan Daud bin Khatib Ahmad 1/2 bhg.	4 1 25	0.026

Bertarikh 1 Ogos 2001.  
[PTT/386/4/2001.]

DATUK HJ. LUGIMAN BIN ABU SEMAN,  
Pengarah Tanah dan Galian,  
Pahang

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiaran dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
CAWANGAN KUALA LUMPUR  
BAGI PIHK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA